


WANITA DI HATI
LELAKI NO. 1 MALAYSIA

NORALINA MOHD ALIAS · KIFFYRAJAN · SHARILIZAM OTMAN

SEJENAK BERTENTANG MATA KE MATA DENGAN 'LELAKI NO. 1 MALAYSIA', YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI DATO' SRI MOHD NAJIB TUN RAZAK CUKUP MEMBUKTIKAN SISI PERIBADINYA YANG VERSATIL. LENGGOK BICARANYA FORMAL NAMUN SANGAT MENYENANGKAN. AWAL BICARA, SEMPAT BELIAU MENGUSIK — "PERLU SAYA JAWAB DALAM BAHASA MELAYU ATAU INGGERIS? ATAU KALAU MAHU, DALAM BAHASA CINA JUGA?" MEMANDANGKAN SESI EKSKLUSIF INI MELIBATKAN MEDIA DARI TIGA MAJALAH TERKEMUKA (DALAM TIGA BAHASA). JENAKA SANTAI ITU MENJADI MEREDAKAN GEMURUH DI HATI KAMI.

Biography - DS Najib Razak

Pg. 52 - 53



SEKUEL daripada Program Kembali Bekerja atau Career Comeback Programme anjuran Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp), inisiatif Nona antara yang diberi hak istimewa bagi memperkenalkan inisiatif kerajaan ini kepada pembaca. 45 minit bersama Perdana Menteri, sesungguhnya menzahirkan banyak harapan yang dipendam. Petang bertelarah itu, cerita beliau tentang wanita dan marabout kaum Hawa dari relung ilwanya menjadi inti pati aulan kami.

SIAPAKAH WANITA PALING BERPENGARUH DALAM HIDUP ANDA?

Tentu sekali ibu, isteri dan anak perempuan saya. Ibu saya, Tun Hajah Rahah bertanggungjawab untuk mengasuh dan membesarkan saya dengan penuh kasih sayang. Saya bangga untuk mengakui kejayaan hari ini merupakan hasil didikannya sejak kecil. Begitu juga isteri dan teman hidup, Datin Seri Rosmah Mansor yang setia menyokong perjuangan saya. Apabila saya dilantik sebagai menteri, saya masih ingat bagaimana beliau sanggup memutuskan untuk berhenti kerja sementara waktu mengutamakan keluarga kami. Begitu juga puteri kesayangan kami, Nooryana Najiwa. Dia membesar dengan begitu antar-sekali, malah matang berdebat dan kami bisa bercakap secara intelektual pada bila-bila masa.

SEBAGAI RAKYAT, RAMAI YANG INGIN TAHU KARAKTER DATIN SERI ROSMAH DARIPADA ANDA...

Ummm... (ambil berfikir). Dia seorang yang cerdik dan berpelajaran tinggi. Umum tahu beliau memiliki aset Masters dalam jurusan Sosiologi dan Pertanian serta pernah memiliki kerjaya yang matang. Isteri saya ni selalu ada pendapatnya yang tersendiri. Orangnyanya berpandangan jauh dan kerana itulah saya sanggup usahanya dalam merintis program PERMATA, iaitu untuk memajukan program pembelajaran khas buat kanak-kanak kecil sangat penting demi perkembangan generasi baru di negara ini. Selain itu, dia juga selalu berharap agar kita menghormati. Perlu ada mutual respect serta tahamalah aulan fikirannya yang kompleks.

ANDAINYA HARI INI ANDA BUKAN SEORANG PERDANA MENTERI, MAHUKAH ANDA MENERIMA ARAHAN DARIPADA SEORANG KETUA WANITA DI PEJABAT?

Nampaknya soalan ni macam gender biased... (ketawa). Saya fikir tiada masalah. Kenapa tak boleh terima kalau ketua yang memberi arahan tu berada di posisi autoriti. Kedudukannya di situ pasti kerana merit dan kelayakannya.

JADI MUNGKINKAH SUATU HARI NANTI NEGARA KITA BAKAL DITERAJUI OLEH PERDANA MENTERI WANITA?

Kenapa tidak? Kini dunia kita bergerak dan berubah dengan amat pantas. Saya yakin itu tidak mustahil.

MELALUI PEMERHATIAN ANDA, APAKAH NILAI-NILAI KETIMURAN YANG DIANGKAP BERMANFAAT DALAM PEKERJAAN?

Bukankah orang Asia terkenal dengan budi bahasa dan sikap loman lembutnya? Antara nilai-nilai ketimuran lain yang wajar dikekalkan adalah semangat kerajinan, ketekunan dan patuh pada arahan. Kita juga mesti berkarya dengan sikap mesra terhadap orang lain. Tanamkan sifat amanah serta berintegriti tinggi. Saya yakin, rangkuman semua nilai murni ini pasti akan menjadikan kita sebagai seorang pekerja yang cemerlang.

KESIBUKAN SELALU MEMBUAT WANITA MENGABAIKAN KESEHATAN. PERANAN KERAJAAN DALAM USAHA MENGERAKKAN PENYADARAN TERHADAP PENYAKIT-PENYAKIT KRONIK WANITA?

Kerajaan selalu meneliti dan memberi perhatian terhadap tahap kesihatan rakyat. Melalui Bajet 2014, terkandung dana khas untuk program subsidi ujian mamografi kepada wanita berumur 40 tahun ke atas. Kerajaan juga memperuntukkan RM9 juta untuk kos rawatan pesakit kanser payudara dan pembedahan aali khas secara percuma. Dari tahun ini, pembedahan hospital khas untuk kanak-kanak dan wanita bakal dijalankan pada Oktober nanti. Negara juga membelanjakan hampir RM50 juta untuk tujuan pemberian suntikan vaksin HPV bagi mencegah risiko kanser serviks.

NASIHAT ANDA UNTUK MENANGANI STRES?

Kita telah banyak mewujudkan program seperti riadah dan rekreasi untuk membantu kaum wanita mengutuskan stres. Walau bagaimanapun, sokongan sosial juga penting. Stres patut ditangani secara serius.

bukan sahaja dengan bantuan kerajaan malah daripada keluarga serta masyarakat sekeliling juga.

BENARKAH FAKTOR IBU-IBU BEKERJA PENYEBAB MASALAH SOSIAL MENINGKAT?

Hudud ni adalah tentang pilihan. Maka aulan pilihan yang betul. Kita tidak boleh menghalang seseorang (anak-anak) daripada dunia luar. Apa lagi sewaktu zaman Internet yang cukup maju sekarang. Sebab itu pendidikan awal kanak-kanak sangat penting. Usah tunggu sampai terlambat. Sebagai ibu bapa, bekalkan anak-anak kita dengan ilmu pengetahuan dan didik mereka tentang baik buruk sesuatu pilihan. Dengan ini kita akan lebih bersedia memberi kepercayaan kepada mereka sewaktu bekerja.

KEMAJUAN INTERNET DIKATAKAN FAKTOR PENINGKATAN KES PENIPUAN SIBER. KEBANYAKAN MANGSANYA JUGA ADALAH WANITA. KOMEN ANDA?

Dunia kini tiada sempadan. Peralihgunaan Internet boleh diatasi selagi kita bertindak waras dan tidak cepat terpedaya dengan taburan tidak munasabah. Jaga email, lebih-lebih lagi kaum wanita, jangan mudah percayakan orang tidak dikenali. Tingkatkan ilmu dan kesedaran sosial agar masalah penipuan sebegini tidak berlaku. Saya tahu ramai wanita yang segan untuk membuat aduan namun sebenarnya laporan itu penting untuk siasatan yang lebih terperinci.

PANDANGAN ANDA TENTANG AMALAN 'BELAJAR BAKAL BEKERJA'?

Itu sesuatu yang mencabar tejamanya bagi wanita dengan anak kecil. Siang bekerja, pulang ke rumah menguruskan rumah tangga dan kemudian, curl masa untuk menelaah pelajaran. Walaupun sukar tapi ia bagus untuk meningkatkan nilai diri. Pendidikan tu satu pelaburan dan cuba bayangkan dalam tempoh 10 tahun akan datang, perbelanjaan yuran itu akan terbayar berkali-kali ganda. Saya sbangk amalan ini tapi walau bagaimanapun, usahlah cuma berhadapan pada kerajaan untuk bantu semuanya.

Amalan ini turut mengingatkan saya kepada YB Datin Mastura Mohd Yazid (wakil rakyat Kuala Kangsar). Sewaktu hayat suaminya, Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khairul Anwar masih ada, beliau sanggup belajar secara online di rumah dalam pada kesibukannya menguruskan keluarga. Ternyata ilmu itu memberi manfaat kepada beliau sekarang.

BERBALIK KEPADA PROGRAM KEMBALI BERKERJAYA, NYATAKAN HARAPAN ANDA?

Respons daripada majikan yang terlibat melaksanakan langkah-langkah bagi mengekalkan dan memudahkan penyertaan lebih ramai tenaga kerja wanita menunjukkan bayang positif. Kerajaan sendiri tamail dengan inisiatif ini demi meningkatkan sumbangan kaum wanita kepada ekonomi Malaysia. Melalui sesi Dialog Wanita Dalam Tenaga Kerja anjuran TalentCorp, saya juga dapat bersemuka sekumpulan wanita yang telah kembali bekerja setelah bercuti panjang daripada kerja.

Program ini menawarkan banyak faedah yang menguntungkan kedua belah pihak. Khususnya buat wanita yang ingin kembali bekerja, sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta, peluang keemasan ini seharusnya direbut. Alangkah sayangnya jika bakat, pengetahuan dan pengalaman yang anda miliki dibazirkan begitu sahaja? Saya fikir ia patut dijadikan sebuah program nasional dan harapan saya untuk melihat lebih banyak syarikat yang menyertainya.

58 peratus daripada jumlah graduan di universiti awam terdiri daripada golongan wanita. Menggugurkan kelayakan akademik dan pengalaman yang dimiliki, pihak majikan perlu menunjukkan sokongan terhadap aset tenaga kerja ini dengan memberi kemudahan sewajarnya kepada mereka. Bagi yang ingin berkhidmat dari rumah pula, majikan perlu membekalkan kelengkapan serta sumber yang secukupnya agar pekerja wanita boleh bekerja dengan produktif.

JIKA SUATU HARI NANTI ANAK PEREMPUAN ANDA DATANG MEMINTA PANDANGAN, TENTANG INISIAF PROGRAM KEMBALI BERKERJAYA INI, APA YANG-AN ANDA KATAKAN?

Saya pun tak pasti jika itu akan berlaku (ketawa), tapi ya, sebagai bapa pasti saya menyokong segala keputusannya. Saya gembira bila semakin banyak syarikat yang melaksanakan program ini. Bayangkan tanpa menjejaskan status senioriti mereka, seseorang pekerja wanita boleh berhenti sementara untuk tujuan tertentu dan kemudiannya kembali bekerja selepas bersedia. Kenapa perlu disiasatkan pengalaman yang ada?

KEMBALI BEKERJA, MEMPAGA TIDAK?

Petang yang singkat namun sangat bermakna di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya turut mendekati penulis dengan pelbagai usaha kerang yang dijalankan oleh TalentCorp. Sebagai 'orang tengah' yang menyambungkan kerajaan, majikan dan tenaga kerja individu tu sendiri, penulis mencungkil lebih mendalam tentang inisiatif Program Kembali Bekerja yang diuruskan.

Cemerlang di pejabat dan dalam waktu yang sama berhasil membahagikan keluarga tercinta. Itulah etarata yang paling tulus, yang tersisip di jiwa wanita bekerjaya. Sayangnya bukan senang untuk berkompromi dengan masa. Dilema mengimbangi dua entiti penting ini acap kali menyebabkan salah satunya terpaksa dikorbankan. Akhirnya memaksa ramai kakitangan wanita memilih antara dua, seperti meletakkan awatan yang disarung demi rumah tangga.

Pengaliran kaum wanita dalam sektor pekerjaan di Malaysia sememangnya menunjukkan peningkatan yang signifikan. Sumbangan mereka dalam memacu ekonomi negara sememangnya tidak boleh diangkal lagi. Namun selari dengan titrah seorang isteri atau ibu, ada kalanya kita terpaksa meninggalkan kerjaya untuk memberi tumpuan terhadap keluarga khususnya anak-anak yang kian membesar. Tinjauan TalentCorp menerusi 'Retaining Women in the Workforce' turut mendapati, ramai wanita berhenti kerja kerana ketidakseimbangan dalam hidup dan kerjaya serta tanggungjawab yang dipikul untuk menjaga ahli keluarga yang kurang sihat.

Selepas melewati 'tempat rehat' dan ingin kembali bekerja, beberapa halangan pula berlegar-legar di fikiran wanita. Contohnya reaksi majikan serta posisi kerjaya yang diinggikan. Malah, 93% dari pada responden wanita yang ditemui berhasrat ingin berkhidmat semula, namun 63% daripada mereka menyifatkan bahawa bukan senang untuk diserap bekerja semula dalam organisasi yang sama. Tambahan, kebanyakan majikan (93%) tidak menyediakan polisi kemudahan nurseri atau penjagaan anak di tempat kerja.

Dalam Bajet 2015, Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif Program Kembali Bekerja dan pemberian insentif kepada majikan untuk mengambil dan mengekalkan tenaga kerja wanita yang telah berhenti sementara daripada kerjaya mereka melebihi enam bulan. Bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), TalentCorp memperkenankan dua geran khas - Geran Pangambilan (*Resourcing Grant*) dan Geran Pengekalan (*Retention Grant*). Di bawah program ini, lebih 200 profesional wanita telah kembali bekerja sementara dilancarkan tahun lepas.

Hasil tinjauan TalentCorp-ACCA turut menemukan beberapa inisiatif yang boleh diambil oleh pihak kerajaan mahupun majikan bagi mengekalkan tenaga kerja wanita yang berhenti sementara. Faktor-faktor yang disyorkan ialah atur kerja secara fleksibel, fleksibiliti masa untuk menguruskan keluarga-kerjaya, faedah cuti berbalin yang lebih panjang, penubuhan pusat jagaan anak-anak yang baik di tempat kerja, peluang kepimpinan yang adil antara lelaki dan wanita, peningkatan infrastruktur berteknologi tinggi bagi membolehkan tugas dibuat secara kawalan jauh, latihan profesional untuk meningkatkan skill kerja serta akhir sekali, pemberian insentif dan kerajaan.

Kasimulannya, inisiatif Program Kembali Bekerja yang telah dilaksanakan ini, berat peluang kedua bagi wanita yang ingin meneruskan kerjaya yang dipamkan. Dengan sokongan kerajaan dan pelbagai usaha yang dipamkan oleh TalentCorp, inisiatif inisiatif untuk mengimbangi semua isi kehidupan yang lebih stabil mampu diwujudkan. ▲

